

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN**
[TANJONG MANIS]
TARIKH : **12.6.2014**
SOALAN :

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian memantau dengan serius sebab-sebab Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) menghadapi masalah kewangan dan lain-lain masalah seperti Kolej Universiti Insaniah, Universiti Antarabangsa Al-Bukhari dan Allianze University College of Medical Sciences (AUCMS) dan apakah ini akan menjadi satu trend di kalangan IPTS; dan
- (b) apakah Kementerian dapat mengadakan satu garis panduan Best Practice dan memberi satu universiti swasta contoh sebagai model yang berjaya untuk diikuti oleh semua IPTS lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pihak kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang serius Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) khususnya bertaraf Universiti yang menghadapi masalah kewangan memandangkan IPTS berdaftar di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Akta 555) memerlukan modal berbayar sebanyak RM 20 juta. Perkembangan dan pembangunan sesebuah Institusi IPTS akan dipantau secara berkala melalui **Audit Kelestarian** bagi melihat keupayaan IPTS untuk terus berdaya saing serta mampu menawarkan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti. Penilaian akan dibuat berdasarkan analisis penyata kewangan bagi tiga (3) tahun berturut-turut yang telah di audit termasuk nilai pelaburan, kos

operasi dan Pelan Pembangunan Institusi bagi lima (5) tahun akan datang. Kementerian turut meneliti aspek-aspek lain yang menyebabkan sesebuah IPTS tidak mampu berdaya saing dari segi kualiti tenaga pengajar; fasiliti dan infrastruktur yang disediakan; serta enrolmen pelajar di IPTS tersebut.

- (b) Untuk makluman, Kementerian telah membangunkan sistem penarafan dalam mengukur kualiti sistem Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) iaitu, Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA); Sistem Penilaian Penarafan Kualiti Kolej Swasta (MyQUEST); dan Sistem Penarafan Disiplin Pengajian (D-SETARA). Sistem ini bertujuan mengukur dan menilai prestasi, kualiti pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan sesebuah institusi sebelum diberikan penarafan. Kementerian menyarankan mana-mana IPTS yang mendapat penarafan di tahap 5 atau 6 adalah contoh terbaik yang boleh diikuti oleh IPTS lain.